

22/01/1998

DPMM bantu IKS tangani Y2K

DEWAN Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) menawarkan khidmat nasihat kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam menangani masalah Millennium Bug tahun 2000 (Y2K).

Pengarah Eksekutif DPMM, Mustafa Mohamed Najimudin, berkata badan itu juga akan menjalankan kajian bagi meninjau secara tepat dan jelas mengenai kesedaran ahli mengenai Y2K dan langkah yang sudah diambil untuk mengatasinya.

Sebagai respon kepada seruan Datuk Seri Mahathir Mohamad supaya usahawan IKS menangani masalah itu, DPMM berkata ia menyedari bahawa kalangan IKS kurang peka atau kesedaran mengenai kesan Y2K terhadap mereka.

"DPMM menyokong seruan Perdana Menteri supaya usahawan IKS mengambil langkah segera. Mereka masih berkesempatan berbuat demikian memandangkan tempoh dua tahun menjelang tahun 2000 adalah tempoh yang memadai.

(END)